

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

2. Nyatakan butir bantuan kewangan langsung Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri untuk menangani kos ekonomi dan kesihatan yang semakin teruk setiap hari sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Kerajaan (PKP).

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM10 juta kepada Kerajaan Negeri bagi membantu menangani krisis COVID-19. Peruntukan ini adalah sebagai menampung jumlah peruntukan bantuan sedia ada yang diberikan bagi membiayai bantuan kepada penjaja dan peniaga kecil, bantuan keperluan asas kepada golongan berpendapatan rendah dan pekerja harian yang pendapatannya terjejas akibat penularan COVID-19, bantuan kepada pesakit COVID-19 dan ahli keluarga mereka, serta menyediakan keperluan kepada petugas-petugas di peringkat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam menangani krisis ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima peruntukan berjumlah RM5 juta daripada Kerajaan Pusat bagi pelaksanaan projek berskala kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020.